

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, August 24, 2019 12:20 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Antara 18 IPT Malaysia Meterai MoU Dengan LPP NTB, Indonesia



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 OGOS 2019 / 23 ZULHIJAH 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM ANTARA 18 IPT MALAYSIA METERAI MOU DENGAN LPP NTB, INDONESIA



UUM ONLINE: Sebanyak 18 institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pengembangan Pendidikan (LPP) Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB) Indonesia, semalam.

Pemeteraian MoU tersebut telah disaksikan Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik di Dewan Zaaba, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Dr. Maszlee berkata, hubungan Malaysia dan Indonesia bukanlah sesuatu yang baharu dalam urusan kerjasama.

Menurutnya, sebagai sebuah nusa dan serumpun, kedua negara ini harus sentiasa mengadakan usahasama melakukan sejarah baharu secara bersama termasuk di rantau Asia sendiri.

Katanya, Malaysia dan Indonesia juga perlu meningkatkan persefahaman, saling mengenali dan hubungan erat dua negara, sekurang-kurangnya menerusi bidang pendidikan.

“Saya melihat kepada pembangunan bersama dan hidup sebagai satu keluarga yang perlu dibangunkan.

“Siswa dan siswi Indonesia juga perlu mendapat pendedahan di Malaysia, begitu juga sebaliknya bagi pelajar di negara ini, malah kolaborasi harus diadakan dengan lebih banyak lagi seperti program mobiliti pelajar, pertukaran pensyarah dan program ijazah berganda,” katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Di Antara Lembaga Pengembangan Pendidikan (LPP) Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB) Indonesia dan IPT Malaysia.

Pada majlis itu, sebanyak 18 IPT termasuk UUM yang diwakili Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menandatangani memorandum tersebut.

Dr. Maszlee berkata, beliau mahu semua Naib Canselor universiti di negara ini untuk meneroka peluang itu bagi menjamin masa hadapan bersama yang ingin diterokai nanti.

Menurutnya, hubungan universiti dua negara juga harus sentiasa dipupuk bukan sahaja dalam bidang geopolitik tetapi pendidikan.

Selain itu, katanya, pembangunan modal insan juga penting bagi melahirkan mahasiswa yang holistik dan boleh menyumbang kepada negara.

“Saya berharap lebih ramai pelajar Indonesia datang melanjutkan pengajian di Malaysia bukan sahaja bagi program mobiliti.

“Dengan termeterainya MoU di antara LPP NTB dengan IPT di Malaysia ini, KPM dan IPT di negara ini telah bersetuju untuk memberikan keistimewaan kepada pelajar Indonesia terlibat iaitu potongan yuran atau diskaun bagi program ditawarkan dan kemasukan 149 pelajar dari kumpulan pertama Biasiswa Gabenor NTB ke Malaysia membabitkan lima universiti pada September depan,” katanya.

Tambahnya, beliau berharap jalinan kerjasama antara KPM dan NTB dapat diteruskan bukan hanya untuk tempoh lima tahun tetapi dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Gabenor NTB, Dr. Zulkieflimansyah berkata, pemeteraian MoU itu adalah langkah awal kerjasama antara universiti di NTB dan Malaysia.

Menurutnya, beliau berminat untuk menghantar pelajar dari provinsi NTB untuk melanjutkan pengajian di Malaysia.

Katanya, dengan adanya kerjasama itu akan mengerat dan mengukuhkan lagi hubungan dua negara yang merupakansatu rumpun dan satu nusa.

UUM menerima kemasukan 14 pelajar dari NTB pada sesi kemasukan September nanti di bawah Biasiswa Gabenor NTB.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.